

Perubahan perlu diterima

JOMOR 153 JANUARI 1982 Jun
- Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini

mengingatkan setiap ahli UMNO khususnya mereka di peringkat atasan supaya menerima apa juga perubahan yang telah dan sedang diambil oleh pucuk pimpinan jika perjuangan parti hendak dipelihara.

Beliau menegaskan mereka yang tidak puas hati dengan perubahan-perubahan tersebut terpaksa juga menerimanya walaupun ia pahit dan pedih "kerana matlamat perjuangan parti tidak boleh gagal."

ga UMNO masih dapat terus berjuang untuk agama, bangsa dan tanahair," katanya.

Perdana Menteri menegaskan adalah lebih baik jika pemimpin-pemimpin pengganti yang terdiri dari ahli-ahli muda dalam UMNO disediakan awal-awal lagi untuk mengambil alih pentadbiran negara.

"Kita mahu UMNO terus memerintah negara ini dan mereka perlu belajar dari sekarang.

"Perubahan-perubahan yang telah kita buat me-

Perdana Menteri berkata, ahli-ahli UMNO harus ingat bahawa tidak ada apa yang kekal di dunia dan mereka juga tidak boleh berharap untuk berada di sesuatu kedudukan tanpa diubah-ubah.

Berucap merasmikan mesyuarat perwakilan UMNO Bahagian Johor Baharu di sini, beliau juga mengingatkan ahli-ahli supaya jangan melakukan sesuatu yang boleh menimbul pergolakan dan menyukarkan perjuangan parti dalam zaman perubahan radikal yang sedang dilalui sekarang.

Walaupun tidak disebut secara terus terang, adalah jelas apa yang dimaksudkan oleh Datuk Sri Dr. Mahathir ialah perubahan-perubahan besar yang dibuat dalam pilihanraya lalu dengan memasukkan tenaga-tenaga muda.

"Kita terpaksa membuat perubahan-perubahan ini bukan kerana kita tidak

menghargai pemimpin-pemimpin yang lama, tetapi kita perlu sediakan pemimpin-pemimpin pengganti dari sekarang.

Meningkat

"Cara perjuangan kita sentiasa berubah dan kita harus mengambil langkah untuk menyesuaikan perjuangan kita dengan keadaan semasa.

"Kita perlu meningkatkan kebolehan kita untuk menghadapi cabaran dunia hari ini, sebab itulah kita perlu membuat perubahan-perubahan itu," katanya.

Beliau menegaskan, sama ada perubahan-perubahan itu baik atau tidak, hanya masa sahaja yang akan dapat menentukannya.

"Bagaimanapun kita harus terima bahawa perubahan ini perlu dilakukan dan kita harus bang-

meningkatkan Sooldi Na 1982

"UMNO telah muda kembali. Mereka yang muda harus dewasa semasa sedang bekerja dan belajar supaya cukup bersedia untuk mengambil alih kemudian," tegasnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, walaupun perubahan-perubahan radikal sedang dibuat, beliau tidak mahu berlaku pergolakan akibat rasa tidak puas hati hingga boleh menjejaskan perjuangan parti.

"Terimalah apa juga keputusan dengan fikiran yang terbuka, pa-

hullah aturan-peraturan mesyuarat dan jangan mengambil tindakan yang boleh memecahbelahkan kita.

"Tidak ada yang kekal di dunia ini. Kita sedang melalui perubahan yang radikal dalam satu zaman di mana kita terpaksa membuat perubahan.

"Perubahan ini pahit dan pedih kerana kita tidak biasa dengannya, tetapi kita perlu juga berubah kerana kita tidak boleh hidup dalam keadaan yang sama sampai bila-bila.

"Kita tidak boleh lari dari perubahan dan kita

perlu membuat penyesuaian untuk menghadapi masa depan," katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga menegaskan bahawa kerajaan tidak pernah membelakangkan UMNO dalam tindak tanduknya walaupun kadangkala terdapat anggapan begitu.

"Ini adalah tidak benar. Mungkin kerana UMNO berjuang untuk semua, kadang-kadang ia nampak seolah-olah membelakangkan kepentingan parti yang sendiri," tegas beliau.